



9 kes positif daripada varian B.1.351

Kewujudan varian itu mula dikenal pasti dalam 4 kes tempatan

KUALA LUMPUR

Sembilan kes positif Covid-19 di Malaysia dikenal pasti dijangkiti varian South African B.1.351, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kewujudan varian itu mula dikenal pasti dalam kalangan empat kes tempatan pada Mac 2021.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati keempat-empat kes itu mempunyai kaitan lokasi

geografi dan berhubung rapat dengan Kluster Jalan Lima seperti yang ditunjukkan dalam analisis filogenetik.

“Dua kes dipercayai dari Kluster Jalan Lima yang merupakan pekerja di sebuah syarikat berpangkalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).”

“Bagaimanapun, cara penularan atau jangkitan varian B.1.351 kepada pekerja kes itu sukar untuk dikenal pasti dan disahkan. Satu kes pula adalah daripada Kluster Kebun Baru dan satu kes lagi merupakan ahli keluarga kepada kes positif Covid-19 yang tinggal serumah,”



DR NOOR HISHAM

katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Khamis.

Susulan penemuan pertama varian itu, Dr Noor Hisham berkata, lebih banyak ujian jujukan genom dijalankan dengan menggunakan sampel positif Covid-19

dari lokasi geografi termasuk daerah Kuala Langat dan Sepang.

“Hasil ujian menunjukkan terdapat lima kes lagi dikesan dari lokaliti itu yang dijangkiti varian berkenaan dengan empat kes daripada Kluster Kebun Baru dan satu kes daripada Kluster Jalan Lima,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, penemuan varian South African

B.1.351 pertama kali dilaporkan di dunia pada Disember tahun lepas di United Kingdom dan Afrika Selatan.

Dalam pada itu mengulas mengenai kes positif baharu Covid di Malaysia, beliau berkata, sebanyak 1,178 kes baharu Covid-19 dan enam kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas.

“Bilangan kes sembuh pula ialah 1,377 menjadikan kumulatif kes sembuh dalam negara kini berjumlah 331,001 kes.”



“Daripada jumlah kes baharu itu, sebanyak 1,158 adalah penularan tempatan manakala 20 lagi kes import.”

“Seramai 163 individu sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 81 memerlukan bantuan pernafasan,” ka.

Beliau berkata, negeri yang mencatat kes paling tinggi semalam ialah Sarawak dengan 238 kes diikuti Selangor (237); Pulau Pinang (190); Johor (165); Kuala Lumpur (101); Sabah (86); Negeri Sembilan (34); Kedah (32); Perak (31); Kelantan (27); Pahang (14); Melaka (9); Labuan (7); Terengganu (6); dan Putrajaya (1); manakala tiada kes baharu di Perlis.

Sementara itu, enam kluster baharu dikesan membabitkan lima kluster tempat kerja iaitu di Selangor (Kluster Bukit Serdang dan Kluster Jalan Sungai Ramal); Johor (Kluster Jalan Permas Cetak dan Kluster Kait Gading); dan Pulau Pinang (Jalan Teluk Kumbar); serta satu kluster komuniti di Pahang iaitu Kluster Taman Emas. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
346,678	331,001	163	1,278	+1,178	698,203

